



07 AUG, 2020

1,762 lalui sekatan jalan raya, 11 berpatah balik

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

1,762 lalui sekatan jalan raya, 11 berpatah balik

KUCHING: Sebanyak 1,762 jumlah kenderaan telah melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang telah diadakan di dua lokasi iaitu di Daerah Simunjan dan Sri Aman semalam.

Kenyataan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) mendedahkan, daripada jumlah tersebut, 1,751 daripadanya telah mendapat kebenaran dan 11 telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran.

Pada masa sama, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan sebanyak 13 notis kompaun kerana tidak mematuhi garis panduan prosedur operasi standard (SOP).

Kenyataan juga mendedahkan notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kota Samarahan (5), Miri (4), Padawan (2), Sarikei (1) dan Betong (1).

"Manakala, satu tangkapan ke atas pekerja kedai serbaneka di Kota Samarahan iaitu seorang warga Indonesia kerana gagal mematuhi SOP," dilaporkan

kan dalam kenyataan berkenaan.

Kenyataan juga menegaskan bahawa PDRM akan terus memperketatkan garis panduan SOP termasuk penggunaan pelitup muka di tempat awam.

"Sebanyak 2,071 premis telah dipantau iaitu pasar raya (383), restoran (485), kilang (19), bank (164), pejabat kerajaan (96), penaja (39), pasar tani/awam (109), tempat ibadah (99), tempat riadah (47), tapak pembinaan (15) dan lain-lain (615)," dicatatkan dalam kenyataan lagi.

Seterusnya, seramai 701 anggota pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang terdiri daripada PDRM (356), ATM (45), RELA (145), APM (104), PBT (41), KKM (6) dan lain-lain agensi (4).

Manakala terdapat enam sekatan jalan raya di lima buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1).

Daripada enam sekatan jalan raya tersebut, sebanyak 961 jumlah kenderaan telah diperiksa.



07 AUG, 2020

1,762 lalui sekatan jalan raya, 11 berpatah balik

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Sebanyak 1,762 jumlah kenderaan telah melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang telah diadakan di dua lokasi iaitu di Daerah Simunjan dan Sri Aman semalam. Kenyataan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) mendedahkan, daripada jumlah tersebut, 1,751 daripadanya telah mendapat kebenaran dan 11 telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran.